

UCAPAN Y.A.B. PERDANA MENTERI,
DATUK HUSSEIN ONN, KETIKA MELANCARKAN
MAJLIS PENASIHAT KEBANGSAAN MENGENAI
INTEGRASI WANITA DALAM PEMBANGUNAN DI
BANGUNAN PARLIMEN, PADA HARI SABTU,
26HB JUN, 1976, JAM 9.00 PAGI

~~114~~

Puan Pengerusi dan ahli-ahli Majlis,
Wakil-wakil Pertubuhan Wanita,
Puan-puan sekalian,

Saya amat sukacita kerana berada di
tengah-tengah kaum wanita yang begitu ramai
berhimpun di sini, bagi melancarkan penubuhan
Majlis Penasihat Kebangsaan mengenai Integrasi
Wanita dalam Pembangunan. Saya merasa bangga
kerana mendapat peluang meresmikan Majlis
ini, yang berkait rapat dengan pembangunan,
serta menentukan sumbangan kaum wanita
negara kita. ~~hari ini~~.

2. Sungguhpun kita telah melangkah keluar dari International Women's Year, yang menentukan agar kaum wanita mendapat kedudukan yang belih tinggi dalam tahun tersebut, tetapi sekurang-kurangnya kita boleh puashati kerana niat menubuhkan Majlis ini telah diumumkan dalam tahun Wanita Antarabangsa itu.

3. ~~Peresmian~~ Majlis ini, sepatutnya diresmikan semasa hayat Allahyarham Tun Razak lagi, tetapi dengan berpulangannya Allahyarham itu, tugas melancarkan Majlis ini terserah kepada saya. Saya percaya, kita semua bersyukur kerana telah mewarisi suatu idea,

satu badan, yang memberikan tempat yang mulia kepada kaum wanita, yang telah diasaskan oleh Allahyarham itu.

4. Keputusan mengadakan Majlis ini adalah sejajar dengan hasrat kerajaan untuk meletakkan pemimpin kaum wanita di negara ini di tempat yang sewajarnya, di samping melibatkan mereka dalam semua aspek pembangunan. Tidak syak lagi, penubuhan Majlis ini menandakan satu langkah ke hadapan yang berkesan dan penuh bermakna, dalam usaha pembangunan di negara kita.

5. Kaum wanita kita boleh berbangga ~~bahawa~~ ^{kerana} Malaysia adalah negara yang pertama di rantau ini, yang telah menubuhkan Majlis seperti ini.

6. Seperti yang dimaklum, bidang tugas Majlis ini, antara lain, ialah:

Pertama, memberi khidmat nasihat dan bimbingan kepada pertubuhan wanita dalam penyertaan dan sumbangan terhadap pembangunan negara;

Kedua, mengkaji dan membuat appraisal atas rancangan kerajaan atau badan berkanun, yang berkaitan dengan kaum wanita;

Ketiga, mengkaji bagaimana sumber-sumber perkhidmatan tenaga kaum wanita di dalam sektor kerajaan dan badan berkanun, dapat digunakan untuk mendapatkan jenis panduan dan

perundingan kepada pertubuhan

sukarela wanita;

Keempat, bertindak sebagai jentera pusat bagi menyalurkan masalah kaum wanita dan berhubung dengan pihak-pihak yang berkenaan; dan

Kelima, berhubung dengan pertubuhan antarabangsa untuk menggalakkan perhubungan persahabatan dan keamanan antarabangsa.

7. Saya percaya, dengan berjalannya Majlis ini, akan bermulalah satu babak baru dalam usaha pembangunan negara kita, kerana selama ini memang sangat dirasakan mustahaknya kerajaan, dan Jabatan saya sendiri, mempunyai

satu Majlis penasihat seperti ini. Dalam hubungan ini, saya berharap Majlis ini akan dapat menentukan garis panduan dan bimbingan yang berguna untuk tindakan bersama. Saya *ber*harap juga Majlis ini akan menyelidiki setakat mana pertubuhan-pertubuhan wanita di negara kita bergerak mencapai tujuannya, di samping menentukan pula setakat mana bantuan yang diberikan oleh kerajaan, benar-benar digunakan mengikut tujuan dan maksud asal mereka.

Puan-puan sekalian,

8. Tidak siapa boleh menafikan bahawa, kaum wanita di Malaysia sejak zaman sebelum membawa kepada dan selepas merdeka, telah

memberikan sumbangan yang besar kepada perkembangan politik dan pembangunan negara. Penyertaan kaum wanita dalam pembangunan dapat dilihat dengan jelas di dalam semua bidang hidup masyarakat kita, seperti pelajaran, kesihatan, pentadbiran, politik, pembangunan tanah, kebajikan, ikhtisas malah juga keselamatan negara. Saya sangat gembira melihat bilangan kaum wanita yang menceburkan diri dalam bidang tersebut, telah semakin bertambah ramai. Kita berharap bilangan ini akan terus bertambah lagi, sejajar dengan keperluan negara, terutama dalam usaha mendapatkan tenaga pekerja mahir untuk pembangunan negara kita.

9. Walaubagaimana pun, dalam usaha mempergiatkan lagi penyertaan wanita dalam pembangunan, telah timbul pula beberapa masaalah akibat daripada sikap berpegang kepada tradisi ^{atau} ~~atas~~ adat resam masyarakat yang kita warisi sejak beberapa lama. Namun demikian, ikatan tradisi ini telahpun dapat diatasi, secara beransur, menurut peredaran masa, dan juga oleh kerana adanya kesungguhan dan keazaman kerajaan dalam usahanya mengembelikan tenaga kaum wanita dalam pembangunan negara.

10. Dalam konteks ini, penubuhan Majlis Penasihat Kebangsaan mengenai Integrasi

Wanita dalam Pembangunan, adalah bertujuan untuk memperkemaskan lagi jentera kerajaan bagi mengembelingkan tenaga kaum wanita dalam segala rancangan yang menghasilkan perpaduan negara. Majlis ini, di samping mendukung tugas yang dinyatakan tadi, pada amnya, akan menjadi badan penasihat kepada kerajaan mengenai polisi dan rancangan yang akan dijalankan dan khususnya, mengenai aktiviti yang berkaitan dengan kaum wanita seluruhnya. Saya ingin memberi akuan bahawa segala amnya, nasihat yang diberikan oleh Majlis ini, akan diberi perhatian yang berat oleh kerajaan. Di samping itu, ia akan diberi pertimbangan yang wajar untuk dilaksanakan, supaya hasil

pembangunan negara akan juga mencerminkan hasrat dan ^{aspirasi} ~~aspiration~~ kaum wanita kita.

11. Dalam pada itu, ingin saya menekankan di sini bahawa, semasa mengejar kemajuan, kaum wanita tidaklah patut meninggalkan peranan tradisional mereka, seperti urusan rumahtangga yang tidak kurang pentingnya dalam menjaga kerukunan hidup dan keharmonian masyarakat kita. Kita telah mendengar dan juga melihat, betapa masyarakat di setengah-setengah negara yang maju di Barat, umpamanya, telah purak-puranda oleh sebab di antaranya, kaum wanita di negara itu terlalu mementingkan kebebasan, tanpa menghiraukan peranan tradisional mereka sebagai ibu dan anggota masyarakat. Saya percaya

keadaan yang telah berlaku di luar negeri itu, bukanlah satu keadaan yang diidam atau diingini oleh masyarakat kita di Malaysia.

12. Oleh yang demikian, Majlis Penasihat *ini* ~~Kebangsaan mengenai Integrasi Wanita ini~~ hendaklah sentiasa berpegang pada prinsip tradisional kita dan^{ber} waspada terhadap sebarang unsur yang boleh meruntuh dan menghancurkan masyarakat oleh bibit-bibit perpecahan dan seterusnya, memberikan nasihatnya kepada kerajaan supaya matlamat mewujudkan masyarakat yang bersatupadu akan berhasil sepenuhnya.

Puan-puan sekalian,

13. Negara kita, sedang berada di peringkat pembangunan yang penting.

Rancangan Malaysia Ketiga yang akan dilancarkan, akan mempergiatkan lagi usaha untuk mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru, ^{iaitu} ~~ia itu~~ membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat, dan seterusnya, mengwujudkan suatu masyarakat yang bersatupadu.

14. Untuk mencapai matlamat ini, seluruh rakyat Malaysia hendaklah memberi sokongan dan kerjasama mereka, serta penyertaan yang bersungguh-sungguh kepada semua rancangan kerajaan melaksanakan Dasar Ekonomi Baru *itu*. Dalam hubungan ini, sudah sewajarnya kaum wanita terus berganding bahu dengan kaum lelaki, bersama-sama menyumbangkan tenaga dan fikiran,

memberikan sokongan dan kerjasama penuh, untuk melaksana dan menjayakan rancangan pembangunan negara kita.

Puan-puan sekalian,

15. Peluang bagi kaum wanita menyertai bidang pembangunan negara, pada masa ini, sudah semakin bertambah luas. Organisasi yang terdapat dalam Rancangan Pembangunan Masyarakat, membolehkan kaum wanita memberikan sumbangan dalam melaksanakan rancangan pembangunan negara, dari peringkat bawahan membawa ke atas.

Jawatankuasa Kampung, di tiap-tiap kampung mempunyai perwakilan kaum wanita. Begitu juga, dalam Susunan Rancangan Perhubungan Masyarakat di bandar, kaum wanita juga mempunyai wakil

di dalam semua jawatankuasa. Di samping jawatankuasa yang disebutkan itu, yang memberi peluang penyertaan wanita dalam urusan pembangunan, terdapat pula berbagai-bagai pertubuhan sukarela wanita yang giat bergerak dalam memberi sumbangan untuk pembangunan negara.

16. Sementara itu, di pihak kerajaan pula, kaum wanita mendapat perwakilan khas dalam beberapa majlis negara yang penting, seperti Dewan Negara, Dewan Rakyat, Dewan Undangan Negeri, Majlis Pelajaran Tinggi, Biro Narkotik, Majlis Kebangsaan untuk Perlindungan Pengguna-pengguna, Majlis Perpaduan Negara, Majlis Penasihat Kebudayaan

dan juga Lembaga Penapisan Filem. Saya berharap kaum wanita akan menggunakan sebaik-baiknya peluang ini, supaya kaum wanita juga terus dapat menikmati faedah sepenuhnya, daripada rancangan pembangunan negara itu.

Puan-puan sekalian,

17. Semasa kita bersungguh-sungguh menumpukan tenaga dan fikiran menjayakan pembangunan, kita juga mestilah sentiasa *ber* waspada kepada bahaya ancaman komunis, yang akan menghancurkan segala usaha kita selama ini. Sungguhpun pada masa sekarang ancaman itu dapat dibendong, tetapi pengganas komunis dan anasir anti-nasional akan terus mencari jalan menimbulkan huru-hara dalam negeri ini

dan memecahkan perpaduan rakyat. Perjuangan mereka itu, pada hemat saya, adalah sia-sia dan tidak akan berjaya, selagi rakyat Malaysia berdiri teguh menyokong kerajaan. Namun demikian, kita hendaklah sentiasa meneliti segala gerakan mereka, supaya sebarang ancaman kepada keselamatan negara, dalam apa bentuk sekalipun, akan dapat dihapuskan dengan seberapa segera.

18. Dalam hal ini, kaum wanita hendaklah bersama-sama turut memberi sumbangan yang penting. Saya sukacita^{baharu} bilangan kaum wanita yang menjadi anggota angkatan tentera dan polis, dan juga badan-badan sukarela seperti Pertubuhan Bulan Sabit dan St. John Ambulans

semakin bertambah. Keadaan ini adalah sangat mengembirakan, dan ^{adalah} diharapkan ^{bahwa hilangnya} akan bertambah ramai lagi. Hakikat ini, membuktikan dengan jelasnya bahawa peranan wanita sekarang telah menjadi bertambah penting, dan tidaklah lagi setakat menjadi suri rumahtangga sahaja.

19. Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya ingin mengucapkan tahniah kepada ahli-ahli yang telah dilantik dalam Majlis ini. Meskipun buat sementara terdapat tiga orang laki-laki sebagai ahli Majlis, mewakili Kementerian dan Badan Berkanun, bukanlah niat kerajaan untuk mengekalkan orang-orang ini dalam Majlis ini, dan saya percaya, pada satu masa Kementerian yang berkenaan akan melantik pegawai-pegawai wanita kanan untuk mewakilinya. Sekiranya, 18

Majlis ini berkehendakkan pandangan dan fikiran dari kaum lelaki yang pakar dalam satu² bidang, saya percaya pakar yang berkenaan boleh dipanggil memberikan pendapatnya.

20. Seperkara lagi ialah mengenai susunan anggota Majlis ini. Mungkin ada pendapat bahawa perwakilan badan wanita masih belum lengkap. Kerajaan boleh menimbangkan sebarang cadangan tambahan ahli atau perwakilan yang lebih lengkap, berdasarkan pengalaman puan-puan dalam Majlis ini.

21. Saya percaya Majlis ini akan dapat memberikan panduan yang diperlukan, di mana kaum wanita dapat memberikan khidmat dan sumbangan mereka dengan cara yang luas lagi. Saya mengaluakan² mesyuarat pertama Majlis, pada petang ini, dan semoga ia akan menghasilkan banyak buah fikiran.

22. Saya juga ingin memberikan garis pimpinan kepada pemimpin-pemimpin kaum wanita yang hadir di sini.

Pertama, dalam kita menghadapi arus perubahan sekarang, organisasi wanita patutlah memperkemaskan diri, meningkatkan kecekapan kerja.

Kedua, pemimpin-pemimpin^{wanita} hendaklah

sentiasa memegang sikap
bertanggungjawab kepada ahli. ^{mereka} ~~Kita~~
^{hendaklah} mesti ingat bahawa ahli-ahli ialah yang
melantikkan ^{mereka} ~~kita~~ pada tempat yang
ada sekarang.

Ketiga, organisasi wanita hendaklah
meluaskan scope aktiviti ^{nya} ~~mereka~~. ^{misalnya} ~~ada~~

^{dibertahu bahawa} Saya ~~terbaca~~ baru-baru ini ahli-ahli
sabuah
/persatuan bertanya, apakah selepas
lebih sepuluh tahun bergerak,
aktivitinya masih di peringkat
memasak, menggubah bunga dan menjahit.

Keempat, pemimpin wanita semua kaum
hendaklah ^{kan} memikirkan cara bagaimana
melibatkan anggota masyarakat wanita

dalam aktiviti yang boleh menggalakkan perpaduan, persefahaman dan keharmonian dalam masyarakat.

Kelima, pertubuhan-pertubuhan wanita serta Majlis ini, patutlah mengadakan satu rancangan bertindak, secara tersusun, untuk membantu kerajaan dalam menghadapi masalah keselamatan sekarang. Secara ^{kasarnya} ~~kesannya~~, kerajaan berkehendakkan ^{kumpulan} wanita terlibat dalam gerakan ini ~~baik~~ secara aktif. ~~atau pun pasif~~.

23. Akhirnya, saya menaruh keyakinan penuh kepada Majlis ini untuk menasihatkan

kerajaan dalam aspek-aspek pembangunan, supaya jenerasi akan datang akan dapat faedah dari hasil usaha kita sekarang.

24. Dengan harapan ini, saya dengan sukacitanya melancarkan Penubuhan Majlis ini, dan berdoa ia akan terus menjadi obor menerangi kejayaan dalam usahanya.

Terima kasih.



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
KUALA LUMPUR



22

kerajaan dalam aspek-aspek pembangunan.
 supaya jenerasi akan datang akan dapat faham
 dan hasil usaha kita sekarang.
 Dengan harapan ini, saya dengan
 sukacitanya melancarkan Pembukaan Majlis
ini dan berdoa ia akan terus menjadi opor
menerangi-kejayaan dalam usahanya.
 Terima kasih.

**PERKHIDMATAN
 ARKIB PERDANA MENTERI**



32/76 JUL 1978

| | |
|----------------|-------|
| No. Siri | 199 |
| No. Penerimaan | 15/78 |